

Pembangunan Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR bagi Kemahiran Mendengar dan Bertutur untuk Membantu Pengajaran Guru Prasekolah KPM

Developing a CEFR Aligned English Teaching Module for Listening and Speaking Skills for Help the Teaching Among MOE Preschool Teachers

Nur Azilla Zailan^{1*}, Mazlina Che Mustafa²

Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA^{1,2}

azillazailan@gmail.com¹, mazlina.cm@fpm.upsi.edu.my²

*Corresponding Author

Received: 11 October 2021; **Accepted:** 26 December 2022; **Published:** 30 December 2022

To cite this article (APA): Zailan, N. A., & Che Mustafa, M. (2022). Developing a CEFR Aligned English Teaching Module for Listening and Speaking Skills for Help the Teaching Among MOE Preschool Teachers: Pembangunan Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR bagi Kemahiran Mendengar dan Bertutur untuk Membantu Pengajaran Guru Prasekolah KPM. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 11(2)*, 13–27. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.2.2.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.2.2.2022>

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan kesepakatan pakar mengenai pembangunan Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR untuk guru prasekolah KPM dengan menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi. kaedah Fuzzy Delphi dilaksanakan bagi mendapatkan input untuk merekabentuk dan membina modul. Objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan kesepakatan pakar mengenai objektif modul, strategi pengajaran, teknik pengajaran, aktiviti yang sesuai, bahan sumber pengajaran serta kaedah penilaian yang sesuai digunakan di dalam modul pengajaran Bahasa Inggeris CEFR. Item soal selidik pakar dibina hasil temubual ke atas 5 pakar bertujuan untuk mendapatkan konsesus pakar dengan menggunakan 7 skala likert. Soal selidik pakar diedarkan kepada 14 orang pakar yang berpengalaman lebih 10 tahun dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan Bahasa Inggeris. Instrumen kajian terbahagi kepada 2 bahagian yang merangkumi 45 item kajian bagi mendapat kesepakatan pakar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesepakatan pakar bersetuju dengan beberapa item mengenai kandungan modul. Implikasi kajian dijangka berupaya untuk meningkatkan mutu pengajaran guru dan menjadikan pengajaran lebih menarik serta menyeronokkan.

Kata kunci: Modul pengajaran, Bahasa Inggeris, CEFR, Kaedah Fuzzy Delphi, Prasekolah

ABSTRACT

This study aims to obtain expert agreement on the development of CEFR English Teaching Module for MOE preschool teachers using the Fuzzy Delphi Method. the Fuzzy Delphi method is implemented to obtain input to design and build modules. The objective of this study is to obtain expert agreement on the objectives of the module, teaching strategies, teaching techniques, appropriate activities, teaching resource materials and appropriate assessment methods used in the CEFR English teaching module. The expert questionnaire items were constructed from interviews with 5 experts aimed at obtaining expert consensus by using 7 Likert scales. The expert questionnaire was distributed to 14 experts with over 10 years of experience in the field of early childhood education and English. The research instrument is divided into 2 parts that include 45 research items to obtain expert agreement. The findings of the study indicate that the expert consensus agrees on several items regarding the content of the module. The implications of the study are expected to be able to improve the quality of teachers' teaching and make teaching more interesting and enjoyable.

Keywords: *Teaching Module, English, CEFR, Fuzzy Delphi Method, Preschool*

PENGENALAN

Common European Framework of Reference (CEFR) adalah kerangka piawaian antarabangsa yang membantu mengukur tahap penguasaan Bahasa Inggeris pada setiap peringkat pendidikan (Wan Normi Hassan & Sarina Mohd Som, 2019). Ia berfungsi secara komprehensif, telus serta merupakan alat yang diguna untuk menentukan tahap kecekapan berbahasa, mendorong pembaharuan pendidikan dan mempunyai perkaitan antara kurikulum, amalan pengajaran dan penilaian (Piccardo et al., 2019). *Common European Framework of Reference* juga dapat memudahkan proses pengajaran dan penilaian serta dapat memberi impak dalam pembangunan kurikulum (Moonen et al., 2013). Ini kerana CEFR mengemukakan skema deskriptif yang kompleks untuk menentukan aspek penguasaan sesuatu Bahasa (Piccardo et al., 2019). Prinsip kerangka ini menjelaskan bahawa tahap penguasaan guru perlu lebih tinggi daripada penguasaan murid (Wan Normi Hassan & Sarina Mohd Som, 2019).

Secara rasminya pada tahun 2013 CEFR telah dibawa masuk dalam sistem pendidikan di Malaysia (Ministry of Education Malaysia, 2013). Bermula dengan penubuhan English language standards and Quality Council (ELSQC) pada tahun 2013 CEFR telah dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara (Wan Rowena Rusli & Aida Hanim A. Hamid, 2019). Untuk meningkatkan dan memperkasakan tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan murid di Malaysia, KPM telah bekerjasama dengan ELSQC dan English Language Teaching Centre (ELTC) (Wan Rowena Rusli & Aida Hanim A. Hamid, 2019). Justeru itu CEFR adalah kerangka piawaian yang dapat memperkasakan sistem pendidikan ke peringkat antarabangsa (Hazita Azman, 2016).

Pelan jangka panjang CEFR meliputi 3 fasa di mana keutamaan diberikan kepada guru Bahasa Inggeris (Wan Rowena Rusli & Aida Hanim A. Hamid, 2019). Setiap guru Bahasa Inggeris wajib menghadiri kursus iaitu Professional Up- Skilling of English Language teachers (Pro-ELT), the Native Speaker Programme, The Fulbright English Teaching Assistant Programmer dan Expanded Specialist Coach (SISC) (Rozana Sani, 2016). Kemudian CEFR telah diperluaskan oleh ELSQC kepada semua peringkat Pendidikan bermula dengan prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, dan universiti (Wan Rowena Rusli & Aida Hanim A. Hamid, 2019). Pada tahun 2018 CEFR telah digunakan secara menyeluruh di dalam sistem pembelajaran di prasekolah KPM. Dengan itu ELSQC telah membuat pembaharuan dan penambahbaikan dalam pelaksanaan CEFR dengan pemilihan buku teks serta bahan sokongan yang bersesuaian dalam sistem pendidikan di Malaysia di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti (Wan Rowena Rusli & Aida Hanim A. Hamid, 2019).

PERNYATAAN MASALAH

Laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, (2019) mengenai Instrumen Pentaksiran Prasekolah Kebangsaan bagi tahun 2019 menunjukkan peratusan kanak-kanak prasekolah berumur 6 tahun dari seluruh negeri Selangor yang berada pada tahap 3 menguasai kemahiran mendengar dalam subjek Bahasa Inggeris hanya sebanyak 59%, kemahiran membaca 54% manakala kemahiran menulis 59%. Peratusan yang dikeluarkan ini masih berada pada tahap sederhana dan ini merupakan cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah untuk meningkatkan peratus penguasaan murid dalam kemahiran mendengar, membaca dan menulis di dalam Bahasa Inggeris.

Berdasarkan kajian Kementerian Pendidikan Malaysia (2015) telah menunjukkan bahawa 62% tahap penguasaan Bahasa Inggeris bagi kemahiran mendengar dan bertutur guru prasekolah berada di bawah skala A, 25% berada di skala B2 dan 13 % berada pada tahap C1. Satu kajian yang telah dilakukan oleh Sadiku, (2015) menunjukkan bahawa kemahiran mendengar kebiasaannya diabaikan oleh guru prasekolah dalam proses pengajaran Bahasa Inggeris prasekolah disebabkan oleh penguasaan yang rendah dalam bahasa tersebut.

Guru aliran perdana telah disediakan dengan dokumen yang lengkap untuk memastikan mereka dapat menyampaikan pengajaran bagi subjek Bahasa Inggeris CEFR dengan berkesan iaitu silibus, dokumen standard kurikulum dan pentaksiran (DSKP), *Scheme of work* (SOW), buku teks *Super Minds* dan buku aktiviti *Super Mind* (MyCikgu, 2020). Berdasarkan surat pekeliling ikhtisas Bil. 1/2000 menggariskan berkaitan dengan penggunaan buku kerja di sekolah rendah. Selaras dengan itu, penggunaan buku kerja juga tidak dibenarkan di peringkat prasekolah kerana KPM tidak menggalakkan guru prasekolah terlalu bergantung dengan buku aktiviti tetapi mereka perlu kreatif untuk memilih dan mempelbagaikan gaya pengajaran berpandukan standard pembelajaran mengikut kesesuaian dan perkembangan murid (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2018). Keadaan ini memerlukan kompetensi pengetahuan yang tinggi untuk memastikan guru dapat menyampaikan pengajaran dengan berkesan (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2018). Untuk menangani permasalahan ini penyelidik telah membangunkan sebuah modul pengajaran Bahasa Inggeris CEFR olahan daripada SOW prasekolah untuk kanak-kanak 6 tahun sekaligus dapat membantu guru melaksanakan proses pengajaran dengan lebih berkesan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan kesepakatan pakar mengenai item yang akan terkandung di dalam Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR yang memberi fokus kepada kemahiran mendengar dan bertutur.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Membangunkan Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR untuk meningkatkan pengajaran dikalangan guru prasekolah KPM
 - a. mengenalpasti objektif Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR yang sesuai mengikut pandangan pakar.
 - b. Mengenalpasti strategi pengajaran yang sesuai digunakan di dalam Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR mengikut pandangan pakar.
 - c. Mengenalpasti teknik pengajaran yang sesuai digunakan di dalam Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR mengikut pandangan pakar.
 - d. Mengenalpasti aktiviti yang sesuai dimasukkan di dalam Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR mengikut pandangan pakar.
 - e. Mengenalpasti bahan sumber pengajaran yang sesuai digunakan di dalam Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR mengikut pandangan pakar.
 - f. mengenalpasti kaedah penilaian yang sesuai digunakan di dalam Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR mengikut pandangan pakar.

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah objektif Modul Ppengajaran Bahasa Inggeris CEFR yang sesuai menurut pandangan pakar?
2. Apakah strategi pengajaran yang sesuai digunakan di dalam Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR menurut pandangan pakar?
3. Apakah teknik pengajaran yang sesuai digunakan di dalam Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR menurut pandangan pakar?
4. Apakah aktiviti yang sesuai dimasukkan di dalam Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR menurut pandangan pakar?
5. Apakah bahan sumber pengajaran yang sesuai digunakan di dalam Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR menurut pandangan pakar?
6. Apakah kaedah penilaian yang sesuai digunakan di dalam Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR menurut pandangan pakar?

METODOLOGI

Fasa rekabentuk dan pembangunan adalah bertujuan untuk merekabentuk dan membina inovasi berkaitan dengan modul pengajaran Bahasa Inggeris CEFR. Pada fasa pembangunan modul pengkaji telah mengaplikasikan Model Strategi Pengajaran (Norshimar Akmar Hashim, 2021) serta tiga teori iaitu Teori Intruksional Gagne (1984), Teori Kognitif dan Teori Behaviorism. Model Strategi Pengajaran (Norshimar Akmar Hashim, 2021) memberi fokus kepada perkara yang perlu guru lakukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Bahasa Inggeris yang memberi fokus kepada kemahiran mendengar dan bertutur. Rekabentuk dan pembangunan modul ini berasaskan kepada 8 elemen iaitu merekabentuk kandungan, menentukan objektif pengajaran, memberi peluang kepada kanak-kanak bertutur secara individu, mencipta aktiviti yang menyeronokkan, mengguna ayat sendiri, menyediakan aktiviti yang pelbagai, penggunaan kosa kata yang konstektual dan melakukan penilaian. Teori Behaviorisme memberi penekanan kepada konsep ganjaran atau peneguhan manakala teori kognitif memberi penekanan kepada proses dalaman atau proses mental di mana apabila teori ini diguna pakai di dalam proses pembangunan modul, pengkaji percaya ia dapat menghasilkan sebuah modul pengajaran yang dapat memenuhi spesifikasi dan boleh digunakan oleh guru prasekolah untuk menyampaikan pengajaran sekaligus dapat membantu meningkatkan minat dan kefahaman murid dalam kemahiran mendengar dan bertutur dalam Bahasa Inggeris. Pembangunan strategi pengajaran berasaskan kepada 5 fasa Teori Gagne iaitu motivasi, kefahaman, penyimpanan, mengingat kembali dan generalisasi juga dapat membantu guru prasekolah menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan. Selain itu untuk memantapkan lagi kandungan modul yang akan dibangunkan, pengkaji akan merujuk kepada Model Tyler (1949) dengan mengambil kira elemen-elemen asas bagi pembentukan kurikulum iaitu objektif, strategi pengajaran, Teknik pengajaran, sumber pengajaran dan pentaksiran.

Sebelum melaksanakan kaedah *Fuzzy Delphi* pengkaji terlebih dahulu perlu menjalani proses pembentukan elemen dan soal selidik pakar. Instrument kajian kaedah *Fuzzy Delphi* dibentuk oleh pengkaji menggunakan beberapa pendekatan iaitu kajian literatur dan temubual ke atas 5 orang pakar yang terlibat secara langsung di dalam bidang Pendidikan awal kanak-kanak dan Bahasa Inggeris. Bagi elemen-elemen yang terkandung di dalam modul pengajaran

ini, pengkaji memberi fokus kepada objektif modul, proses pengajaran dan pembelajaran, strategi pengajaran dan bahan bantu mengajar yang akan digunakan oleh guru untuk menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan.

Dalam proses pengesahan elemen, pengkaji akan menggunakan kaedah Fuzzy Delphi untuk mendapatkan kesepakatan pakar bagi setiap item dalam soal selidik pakar. Analisis data kajian bagi Kaedah *Fuzzy Delphi* akan bersandarkan kepada nilai *threshold* (d) dan peratusan kesepakatan pakar mestilah kurang atau sama dengan 0.2 (Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabihah Mat Noh, 2014, Saedah Siraj et al., 2020) serta peratusan kesepakatan pakar perlulah melebihi 75% (Saedah Siraj et al., 2013). Nilai *threshold* (d) akan dianalisis menggunakan *Microsoft excel*. Pada fasa rekabentuk modul pengajaran ini, terdapat seramai 14 orang pakar yang telah dilantik untuk melihat, menilai dan mengesahkan komponen utama yang akan dimasukkan ke dalam modul pengajaran ini. Data yang diperolehi daripada soal selidik ini akan dianalisis dengan menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* dan maklumat yang diperolehi akan dimasukkan di dalam modul yang dibangunkan.

Bagi fasa seterusnya untuk membangunkan modul, pengkaji membuat analisis kandungan dokumen standard Kurikulum dan pentaksiran Prasekolah Semakan 2017 (DSKP) dan Scheme Of Work (SOW) untuk mendapatkan maklumat mengenai elemen standard kandungan dan standard pembelajaran yang akan dimasukkan di dalam modul pengajaran bagi kemahiran mendengar dan bertutur. Tujuan analisis dibuat adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pengkaji mengenai hubungan standard pembelajaran dengan kemahiran yang akan dikuasai oleh kanak-kanak. Analisis kandungan dokumen juga dijalankan menggunakan Scheme of work untuk menentukan tema yang terkandung di dalam pengajaran Bahasa Inggeris CEFR untuk kanak-kanak 6 tahun.

Seterusnya, modul yang telah siap dibina disahkan kandungannya sebelum ia diguna oleh guru prasekolah. Bagi mendapatkan kesahan kandungan, modul ini telah disemak semula oleh 14 orang pakar yang sama. Borang soal selidik kesahan kandungan modul diberikan sebagai panduan kepada panel. Pengkaji juga menyediakan soalan terbuka bagi memberi ruang kepada pakar untuk memberi komen terhadap modul yang dinilai serta mendapatkan pandangan mengenai kesesuaian modul untuk digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah.

DAPATAN KAJIAN

Elemen Objektif Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR Prasekolah

Setelah data yang diperolehi diproses menggunakan kaedah Fuzzy Delphi, 6 item telah mendapat kesepakatan pakar dengan mencatatkan peratusan kesepakatan $\geq 75\%$, manakala item 4 menunjukkan ketidakpatuhan dalam syarat yang ditetapkan oleh kaedah Fuzzy Delphi, maka ini menunjukkan bahawa kesepakatan pakar menolak item tersebut.

Jadual

Elemen objektif Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR

No	elemen	Nilai Threshold	Kesepakatan pakar	
1.	Membantu guru dalam proses merancang pengajaran dengan lebih berkesan.	0.118	93%	TERIMA
2.	Membantu guru dalam proses melaksanakan pengajaran dengan lebih berkesan.	0.095	93%	TERIMA
3.	Meningkatkan keselesaan guru prasekolah untuk mengajar Bahasa Inggeris CEFR kepada kanak-kanak prasekolah	0.095	93%	TERIMA
4.	Membantu guru meningkatkan kemahiran komunikasi dalam Bahasa Inggeris di dalam kelas.	0.195	50%	TOLAK
5.	Membantu guru meningkatkan keyakinan untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris di dalam kelas.	0.201	86%	TERIMA
6.	Membantu meningkat kemahiran mendengar dan bertutur di kalangan kanak-kanak prasekolah.	0.070	100%	TERIMA
7.	Dapat dijadikan rujukan oleh guru untuk mengajar kemahiran mendengar dan bertutur kepada murid.	0.094	93%	TERIMA

Elemen Strategi pengajaran bagi Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR

Setelah data yang diperolehi diproses menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*, dua item telah mendapat kesepakatan pakar dengan mencatatkan peratus kesepakatan $\geq 75\%$, manakala tiga item iaitu item 1, 2, dan 3 menunjukkan ketidakpatuhan dalam syarat yang ditetapkan oleh kaedah *Fuzzy Delphi*, maka ini menunjukkan bahawa kesepakatan pakar menolak item tersebut.

Jadual 2

Strategi Pengajaran bagi Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR

No	Elemen	Nilai Threshold	Kesepakatan pakar	
1.	Pengajaran berpusatkan guru dalam satu sesi pengajaran.	0.422	21%	TOLAK
2.	Pengajaran berpusatkan murid dalam satu sesi pengajaran.	0.242	36%	TOLAK
3.	Pengajaran berpusatkan bahan dalam satu sesi pengajaran.	0.250	36%	TOLAK
4.	Menerapkan elemen bertema dalam modul pengajaran Bahasa Inggeris CEFR prasekolah.	0.106	93%	TERIMA
5.	Menerapkan elemen belajar sambil bermain	0.051	100%	TERIMA

Elemen teknik pengajaran bagi Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR Prasekolah

Setelah data yang diperolehi diproses menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*, semua item telah mendapat kesepakatan pakar dengan mencatatkan peratus kesepakatan $\geq 75\%$.

Jadual 3

Teknik pengajaran Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR

No	elemen	Nilai Threshold, d	Kesepakatan pakar	
1.	Teknik yang kreatif untuk menarik minat kanak-kanak belajar Bahasa Inggeris.	0.095	93%	TERIMA
2.	Teknik yang interaktif untuk menarik minat kanak-kanak belajar Bahasa Inggeris.	0.075	100%	TERIMA
3	Perlu adanya elemen teknologi bagi menarik minat kanak-kanak untuk belajar Bahasa Inggeris.	0.223	86%	TERIMA
4	Teknik demonstrasi untuk menarik minat kanak-kanak belajar Bahasa Inggeris.	0.095	93%	TERIMA
5	Teknik berpasangan untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur kanak-kanak prasekolah	0.136	79%	TERIMA
6	Teknik “ <i>Total Physical Response</i> ” untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur kanak-kanak prasekolah.	0.115	86%	TERIMA
7	Teknik main peranan untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur kanak-kanak prasekolah.	0.070	100%	TERIMA
8.	Teknik didik hibur untuk menarik minat kanak-kanak belajar Bahasa Inggeris.	0.075	100%	TERIMA

Elemen aktiviti bagi Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR Prasekolah

Setelah data yang diperolehi diproses menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*, 18 item telah mendapat kesepakatan pakar dengan mencatatkan peratus kesepakatan $\geq 75\%$, manakala item 1 telah menunjukkan ketidakpatuhan dalam syarat yang ditetapkan oleh kaedah *Fuzzy Delphi*, maka ini menunjukkan bahawa kesepakatan pakar menolak item tersebut. Selain itu terdapat satu aktiviti yang akan dimasukkan ke dalam modul ini hasil daripada cadangan seorang pakar. Maka keseluruhan aktiviti yang akan terdapat di dalam modul ini adalah sebanyak 19 aktiviti.

Jadual 4
 Aktiviti Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR

No	Elemen	Nilai Threshold, d	Peratus kesepakatan pakar,	Kesepakatan pakar
1.	"Pointing to Flashcards on walls"	0.216	86%	TERIMA
2.	"Running to flash cards"	0.113	86%	TERIMA
3	"Jumping into hoops"	0.075	100%	TERIMA
4	"Putting flashcards into hoop"	0.178	93%	TERIMA
5	"Swapping places"	0.204	93%	TERIMA
6	"Running Game"	0.113	86%	TERIMA
7	"Guessing game"	0.249	43%	TOLAK
8	"What missing"	0.201	86%	TERIMA
9	"Memory Matching"	0.168	86%	TERIMA
10	"Demonstration"	0.095	93%	TERIMA
11	"Role play"	0.095	93%	TERIMA
12	"Simulation"	0.075	100%	TERIMA
13	Sing "nursery rhymes" song	0.062	100%	TERIMA
14	Magical Box	0.142	86%	TERIMA
15	Listen and point	0.147	93%	TERIMA
16	Chant a chain	0.153	79%	TERIMA
17	"The telephone game"	0.172	86%	TERIMA
18	"The run and collect game"	0.255	79%	TERIMA
19	"The touchy, feely game"	0.142	86%	TERIMA
20	Hot Seat			Cadangan pakar

Elemen sumber pengajaran bagi Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR Prasekolah

Setelah data yang diperolehi diproses menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*, empat item telah mendapat kesepakatan pakar dengan mencatatkan peratus kesepakatan $\geq 75\%$, manakala item ke 4 menunjukkan ketidakpatuhan dalam syarat yang ditetapkan oleh kaedah *Fuzzy Delphi*, maka ini menunjukkan bahawa kesepakatan pakar menolak item tersebut.

Jadual 5
 Sumber pengajaran bagi Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR

No	elemen	Nilai Threshold,	Kesepakatan pakar	Kesepakatan pakar
1.	Lembaran kerja yang bersesuaian untuk kemahiran mendengar bagi memudahkan guru merancang dan melaksanakan pengajaran.	0.184	79%	TERIMA
2.	Audio bagi setiap tema bagi memudahkan guru merancang dan melaksanakan pengajaran untuk kemahiran mendengar.	0.180	93%	TERIMA
3	Cadangan <i>nursery rhymes</i> yang sesuai bagi setiap tema.	0.075	100%	TERIMA
4	Skrip untuk digunakan oleh guru prasekolah semasa sesi pengajaran.	0.251	36%	TOLAK
5	Kad gambar / kad imbasan bagi setiap tema	0.189	79%	TERIMA

Elemen kaedah penilaian bagi Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR Prasekolah

Setelah data yang diperolehi diproses menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi*, empat item telah mendapat kesepakatan pakar dengan mencatatkan peratus kesepakatan $\geq 75\%$, manakala item 4 menunjukkan ketidakpatuhan dalam syarat yang ditetapkan oleh kaedah *Fuzzy Delphi*, maka ini menunjukkan bahawa kesepakatan pakar menolak item tersebut. Selain itu terdapat dua kaedah penilaian yang akan dimasukkan ke dalam modul ini hasil daripada cadangan seorang pakar. Maka terdapat 6 kaedah penilaian yang akan dimasukkan ke dalam modul ini.

Jadual 6

Elemen kaedah penilaian bagi Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR

No	elemen	Nilai Threshold,	Kesepakatan pakar
1.	Senarai semak “Can do Checklist”	0.092	93% TERIMA
2.	Aktiviti dalam kumpulan	0.092	93% TERIMA
3.	Pembentangan	0.215	79% TERIMA
4.	Rekod Anekdote	0.210	57% TOLAK
5.	Rekod berterusan	0.075	100% TERIMA
6.	Lembaran kerja		Cadangan pakar
7.	Projek		Cadangan pakar

PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN BAHASA INGGERIS CEFR

Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR dibangunkan untuk membantu guru prasekolah KPM khususnya untuk merancang dan melaksanakan pengajaran dengan lebih berkesan dan seronok. Oleh itu melalui pembangunan modul ini sedikit sebanyak dapat membantu guru prasekolah merancang dan melaksanakan pengajaran mereka dengan adanya bahan-bahan pengajaran yang sesuai, aktiviti yang menarik serta borang penilaian untuk mentaksir tahap pencapaian murid pada topik yang diajar. Menurut Cooper (2007) terdapat beberapa langkah yang boleh diambil oleh guru prasekolah untuk mengajar Bahasa Inggeris kepada kanak-kanak iaitu:

1. Keutamaan kepada kemahiran mendengar dan bertutur
 - Untuk pengenalan kepada Bahasa Inggeris guru perlu terlebih dahulu memperkenalkan kemahiran mendengar dan bertutur kepada kanak-kanak. Oleh itu Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR telah memberi fokus kepada kemahiran mendengar dan bertutur sebagai pengenalan untuk kanak-kanak menguasai Bahasa Inggeris.
2. Hubungkait dengan pengalaman sedia ada murid
 - Guru perlu menghubungkan pengalaman sedia ada murid dengan topik yang hendak diajar. Dengan itu Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR akan mengetengahkan tema dan subtema yang biasa dengan kanak-kanak. Tema yang terkandung di dalam modul ini seperti rajah 1

<p>THEME 1: INTRODUCTION</p> <p>Lesson 1: What is your name? Lesson 2: Numbers Lesson 3: Colour Lesson 4: Weather Lesson 5: Days of the week</p>	<p>THEME 2: MY SCHOOL</p> <p>Lesson 1: Classroom Instruction Lesson 2: Classroom Object Lesson 3: What is this? Lesson 4: Place at school Lesson 5: Activiies at school</p>
<p>THEME 3: MY WORLD DOMESTIC ANIMALS</p> <p>Lesson 1: Animals' sounds Lesson 2: Bird's body part Lesson 3: Animals' home Lesson 4: Where is the cat Lesson 5: What I eat</p>	<p>THEME 4: FRUIT</p> <p>Lesson 1: Happy fruit Lesson 2: Colour of fruit Lesson 3: Sweet and sour Lesson 4: Fruit salad Lesson 5: Fruit juice</p>
<p>THEME 5: TRANSPORTATION</p> <p>Lesson 1: Transportation sounds Lesson 2: Transport categories Lesson 3: Fast and slow Lesson 4: Traffic light Lesson 5: Safety tips</p>	<p>THEME 6: OCCUPATION</p> <p>Lesson 1: Workplace Lesson 2: Who am I? Lesson 3: Tool of occupation Lesson 4: Occupation with related vehicle Lesson 5: Dentist</p>

Rajah 1. Tema Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR

3. Pengajaran yang menarik

- Kanak-kanak perlu diperkenalkan dengan ayat mudah apabila mereka telah betul-betul bersedia dan guru perlu sentiasa memastikan kanak-kanak betul-betul memahami bahasa tersebut. Untuk menggalakkan kanak-kanak menggunakan Bahasa dengan baik guru perlu menjalankan aktiviti yang menarik untuk menggalakkan mereka berkomunikasi dengan yakin. Kaedah penyampaian yang menggunakan aktiviti yang aktif dapat mengubah rentak pengajaran dan pembelajaran di samping dapat menarik perhatian kanak-kanak serta dapat menghilangkan kegelisahan mereka untuk belajar Bahasa Inggeris
- Di dalam Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR pengkaji telah menyusun pengajaran secara berperingkat bermula dengan *opening time*, *warm up*, *activities 1*, *activities 2*, *closing time*.

Jadual 7

Perincian aktiviti di dalam Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR

AKTIVITI	HURAIAN
<i>Opening time</i>	Permulaan pengajaran akan bermula dengan nyanyian lagu Hello song dan jolly phonic song. Setiap kali pengajaran kanak-kanak akan menyanyikan lagu yang sama bertujuan untuk mengukuhkan penguasaan Bahasa inggeris mereka. Pemilihan lagu <i>Hello song</i> kerana terdapat perkataan harian yang mudah untuk dikuasai oleh kanak-kanak seperti <i>hello, how are you today, I am fine, I am great, I'm hungry, I am tired and I'm very well today</i> . Pengenalan <i>Jolly phonic song</i> pula bertujuan untuk memastikan kanak-kanak menguasai bunyi huruf dengan pergerakan yang menarik.
<i>Warm up</i>	Merupakan aktiviti pengulangan bagi pembelajaran yang lepas dan set induksi atau pengenalan bagi topik yang akan dipelajari. Sebelum memulakan pengajaran guru akan mengimbas kembali apa yang telah dipelajari pada pembelajaran yang sebelumnya untuk memastikan kanak-kanak menguasai perkataan yang telah dipelajari pada pembelajaran yang lalu. Kaedah induksi juga akan digunakan oleh guru prasekolah untuk memperkenalkan topik yang akan dipelajari. Induksi boleh berbentuk nyanyian, perbualan pagi, permainan yang mudah dan main peranan.
<i>Activities 1</i>	Pengenalan mengenai perkataan-perkataan mudah berkaitan dengan sub tema yang diajar. Perkataan yang dipilih adalah yang biasa di dengar oleh kanak-kanak. Tidak lebih daripada 10 perkataan yang akan diperkenalkan kepada kanak-kanak. Guru boleh mengikut kreativiti sendiri untuk memperkenalkan perkataan baru kepada kanak-kanak prasekolah samaada menggunakan bahan maujud, kad imbasan atau melalui pergerakan badan. Di dalam aktiviti 1 kemahiran yang diperkenalkan terlebih dahulu adalah kemahiran mendengar. Guru akan menggunakan audio yang telah lengkap disediakan di dalam Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR.
<i>Activities 2</i>	Merupakan kesinambungan daripada aktiviti 1. Aktiviti 2 lebih berkonsepkan fun learning dan memberi focus kepada kemahiran mendengar dan bertutur. Kanak-kanak akan terlibat secara aktif di dalam aktiviti 2 dan mereka juga digalakkan untuk bertutur menggunakan perkataan atau ayat yang mudah.
<i>Closing time</i>	Aktiviti penutup juga memerlukan guru mengimbas Kembali apa yang telah dipelajari pada hari tersebut. Sebelum menutup sesi pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak akan menyanyikan lagu " <i>good bye</i> " song. Pemilihan lagu ini di buat kerana terdapat perkataan yang mudah untuk dikuasai oleh kanak-kanak seperti <i>clap your hand, sit down, stand up, spin around, turn right, turn left, stand still and jump up high</i> .

PENILAIAN KESAHAN MODUL

Penilaian kesahan modul dilaksanakan oleh penyelidik setelah selesai fasa rekabentuk dan pembangunan modul. Modul yang telah siap dibangunkan dinilai semula oleh 14 orang pakar bagi memastikan kesahan kandungan modul. Dapatan yang diperolehi, secara keseluruhannya semua konstruk mencatatkan nilai skor min yang tinggi. Perincian bagi penilaian kesahan kandungan modul ditunjukkan di dalam jadual 8 di bawah.

Jadual 8
Nilai min setiap konstruk

Konstruk	Min	Tahap
Objektif modul	4.46	Tinggi
Susun atur modul	4.48	Tinggi
Strategi pengajaran	4.46	Tinggi
Teknik pengajaran	4.40	Tinggi
Penilaian	4.33	Tinggi
Sumber pengajaran	4.26	Tinggi


Seterusnya pengkaji menganalisis komen serta cadangan penambahbaikan oleh pakar yang terlibat. Analisis terperinci dipaparkan di dalam jadual 9 di mana semua pakar bersetuju bahawa Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR sesuai digunakan oleh guru prasekolah untuk mengajar Bahasa Inggeris CEFR. Penambahbaikan perlu dilakukan untuk memantapkan lagi modul ini. Pengkaji telah mengambil kira segala cadangan daripada pakar dan penambahbaikan telah dilakukan. Sumber pengajaran telah disediakan berdasarkan cadangan yang telah diberikan oleh pakar yang terdiri daripada video pengajaran, audio dan kad imbasan. Bahan bantu yang disediakan di dalam modul ini tidak semestinya digunakan oleh guru tetapi ia boleh dijadikan sebagai panduan kepada guru untuk membina bahan bantu mengajar sendiri yang dapat disesuaikan dengan keperluan dan tahap keupayaan kanak-kanak prasekolah.

Jadual 9
Komen oleh Penilai Modul

Bil	Komen	Cadangan
1	Modul ini menepati sasaran kajian, boleh dilaksanakan, sesuai dengan masa yang diperuntukkan, menepati prinsip pengajaran dan pembelajaran serta dapat meningkatkan kecekapan guru prasekolah untuk mengajar Bahasa Inggeris.	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan rakaman yang dibuat menggunakan sebutan dan intonasi yang betul. • Memastikan teks/ayat yang digunakan bebas dari kesalahan tatabahasa. • Tulisan pada lembaran kerja perlu lebih besar, ruangan kerja murid lebih selesa dan tidak terlalu padat. • Wujudkan alternatif kepada aktiviti yang dicadangkan, maksudnya menggunakan BBM yang sama, boleh buat aktiviti lain.
2	Modul ini sangat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran.	<ul style="list-style-type: none"> • Meletakkan cadangan standard pembelajaran yang perlu dicapai bagi setiap sub topik.

- | | | |
|---|--|--|
| 3 | Sangat sesuai | <ul style="list-style-type: none">• Pelbagaikan lagi bahan bantu mengajar dengan adanya gambar-gambar yang mampu merangsang pelajar untuk bertutur. Selain itu, mungkin boleh dimasukkan panduan Standard Prestasi yang boleh menjadi rujukan guru ketika menilai. |
| 4 | Modul Ini menepati semua aspek yang dikehendaki. | <ul style="list-style-type: none">• Cadangan supaya muatnaik video terkini yang berkaitan dengan pengajaran yang mengikut SOP. |
| 5 | Keseluruhan penyediaan modul dapat memenuhi kehendak objektif yang dinyatakan serta pembangunan modul ini berdasarkan KSPK dan CEFR. | <ul style="list-style-type: none">• Boleh menggunakan bahan ransangan yang autentik. |
| 6 | Secara keseluruhan penyediaan modul adalah berdasarkan KSPK serta menepati prinsip-prinsip Amalan Bersuaian Perkembangan (ABP). | <ul style="list-style-type: none">• Bahan ransangan dalam modul perlu lebih autentik atau asli. Dengan kata lain lebih baik pengkaji membina sedikit bahan yang direka sendiri bagi mempelbagaikan bahan sumber yang lebih luas dan menarik. |

Penambahbaikan telah dilakukan oleh pengkaji dengan mengambil kira komen dan cadangan yang diberikan oleh pakar yang terlibat dalam proses kesahan kandungan modul. Sumber pengajaran disediakan terdiri daripada kad imbasan, audio, *nursery rhymes*, lembaran kerja, video pengajaran dan rancangan pengajaran harian. Sumber pengajaran yang disediakan di dalam modul ini boleh digunakan terus oleh guru prasekolah dalam proses pengajaran mereka. Akan tetapi mereka juga tidak terikat dengan penggunaan bahan tersebut, tetapi ia boleh dijadikan panduan kepada guru untuk membina bahan bantu mengajar sendiri yang sesuai dengan tahap keupayaan kanak-kanak prasekolah.



Rajah 3. Rekabentuk Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Pengajaran dan pembelajaran bagi kemahiran mendengar dan bertutur adalah merupakan satu proses pengajaran untuk melatih kanak-kanak berkomunikasi dengan baik. Penyelidikan rekabentuk dan pembangunan ini memberikan kesan positif kepada Pendidikan awal kanak-kanak dalam proses membangunkan strategi dan kaedah pengajaran yang memberi fokus kepada kemahiran mendengar dan bertutur dalam Bahasa Inggeris. Ia juga dapat merelisasikan Hasrat KPM untuk melaksanakan CEFR dalam kurikulum Bahasa Inggeris prasekolah. Melalui pembangunan modul ini juga boleh membuka peluang kepada KPM untuk merancang kursus yang memberi fokus kepada pelaksanaan strategi pengajaran bagi kemahiran mendengar dan bertutur dalam Bahasa Inggeris untuk guru prasekolah KPM.

RUMUSAN

Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR dibangunkan bertujuan untuk membantu guru prasekolah merancang dan menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan. Justeru itu modul ini boleh dijadikan panduan oleh guru prasekolah untuk mengajar Bahasa Inggeris CEFR yang memberi focus kepada kemahiran mendengar dan bertutur kerana ia lengkap dengan sumber dan bahan bantu mengajar yang menarik serta mudah untuk diakses. Selain itu tujuan pembangunan modul ini adalah untuk meningkatkan keselesaan guru prasekolah mengajar Bahasa Inggeris CEFR kepada kanak-kanak.

Berdasarkan analisis dan pandangan panel pakar, pembangunan Modul Pengajaran Bahasa Inggeris CEFR merupakan satu inisiatif yang tepat diambil oleh pengkaji bagi membantu proses pengajaran guru prasekolah dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pencapaian kanak-kanak bagi kemahiran mendengar dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.

RUJUKAN

- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. (2018). *Garis Panduan Pengurusan Prasekolah*. In *Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Cooper, F. L. (2007). *How to teach English to very young children*. 38.
- Hazita Azman. (2016). Implementation and challenges of English language education reform in Malaysian primary schools. *3L: Language, Linguistics, Literature*, 22(3), 65–78. <https://doi.org/10.17576/3L-2016-2203-05>
- Ministry of Education Malaysia. (2013). Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025. *Education*, 27(1), 1–268. <http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S0742051X10001435>
- Ministry of Education Malaysia. (2015). English Language Education Reform in Malaysia. The Roadmap 2015-2025 Forewords. In *Ministry of Education Malaysia* (Vol. 4, Issue 1).
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabihah Mat Noh, A. A. S. (2014). *Pengenalan Asas Kaedah Fuzzy Delphi*. Media Intelek.
- Moonen, M., Stoutjesdijk, E., Graaff, R. de, & Corda, A. (2013). Implementing CEFR in secondary education: impact on FL teachers' educational assessment practice. *International Journal of Applied Linguistics*, 226–246.
- Norshimar Akmar Hashim. (2021). *The Development Of a Teaching Strategy Model For English Language Listening And Speaking Skills For Preschoolers In Malaysia*. Sultan Idris Education University.
- Piccardo, E., North, B., & Maldina, E. (2019). Innovation and Reform in Course Planning, Teaching, and Assessment: The CEFR in Canada and Switzerland, A Comparative Study. *Canadian Journal of Applied Linguistics*, 22(1). <https://doi.org/10.7202/1060908ar>
- Rozana Sani. (2016). *Journey to master English*. The New Straits Times Online.
- Sadiku, L. M. (2015). The Importance of Four Skills Reading, Speaking, Writing, Listening in a Lesson Hour. *European Journal of Language and Literature*, 1(1), 29. <https://doi.org/10.26417/ejls.v1i1.p29-31>
- Saedah Siraj, Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah, & Rozaini Muhammad Rozkee. (2020). *Pendekatan Penyelidikan Rekabentuk dan Pembangunan: Aplikasi kepada Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy Dewitt, & Zaharah Hussin. (2013). *Design and Developmental Research: Emergent Trends in Educational Research*. Pearson Malaysia.
- Tyler, R. W. (1949). *Basic Principles of Curriculum and Instruction*. The University Of Chicago Press.
- Wan Normi Hassan, & Sarina Mohd Som. (2019). *Mengapa guru opsyen Bahasa Inggeris perlu sangat ambil MUET*.
- Wan Rowena Mohamad Rusli, & Aida Hanim A. Hamid. (2019). Isu dan cabaran dalam perubahan kurikulum The Common European Framework of References for Languages' (CEFR) di Malaysia. *International Conference on Global Education VII "Humanising Technology For IR 4.0," 2002*, 1–2.